

**SPMU 2019**  
**26 Jun 2019 (Rabu)**  
**2.00 – 4.30 ptg**

---

---

**SEJARAH**  
**KERTAS 2**  
**DUA JAM TIGA PULUH MINIT**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan tiga soalan dalam Bahagian B.*
3. *Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
4. *Jawapan Bahagian B hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.*
5. *Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas jawapan Bahagian B.*
6. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
<b>A</b>	1		
	2		
	3		
	4		
<b>B</b>	5		
	6		
	7		
	8		
	9		
	10		
	11		
Jumlah			

Bahagian A

( 40 markah)

Jawab **semua** soalan

1. (a) Jelaskan maksud agama.

.....  
.....  
[1 markah ]

(b) Senaraikan **dua** agama yang terdapat di dunia.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah ]

(c) Jelaskan prinsip mana-mana **satu** agama dalam 1(b).

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
[3 markah ]

(d) Prinsip pertama Rukun Negara ialah Kepercayaan Kepada Tuhan.

Mengapakah perkara tersebut dijadikan prinsip Rukun Negara ?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
[4 markah ]

2. Maklumat berikut berkaitan dengan cara penyebaran Islam oleh Nabi Muhammad SAW di Makkah.

<b>Secara Rahsia</b>	<b>Secara Terbuka</b>
3 Tahun	10 Tahun

- (a) Nyatakan dua pihak yang menerima Islam secara rahsia.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah ]

- (b) Mengapakah Nabi Muhammad SAW berdakwah secara rahsia ?

.....  
.....  
.....

[2 markah ]

- (c) Bagaimanakah Nabi Muhammad SAW berdakwah secara terbuka ?

.....  
.....  
.....

[2 markah ]

- (d) Mengapakah Islam akhirnya diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat di Semenanjung Tanah Arab ?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah ]

3. (a) Kaum Muda mempelopori gerakan Islah untuk memajukan orang Melayu. Apakah saranan Kaum Muda terhadap orang Melayu ?

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (b) Bagaimankah Kaum Muda berjuang menyebarkan idea mereka ?

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan gerakan Islah di Malaysia.

“...sesetengah sarjana menyatakan bahawa Kaum Muda telah gagal dalam perjuangan mereka...”

*Sumber: Dr. Mohd Kamil Abdul Majid, Sejarah*

*Gerakan Islah di Malaysia: Analisa Kritikal*

Bersetujukah anda dengan pendapat tersebut ?

Beri hujah anda.

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

4. Maklumat berikut berkaitan dengan pergerakan politik di Sarawak dan Sabah.

Selepas penjajahan Jepun, British menjadikan Sarawak dan Sabah sebagai tanah jajahan mahkota.

*Sumber: Mohd. Isa Othman, Sejarah Malaysia (1800-1963)*

*hal.346-348*

(a) Mengapakah rakyat Sabah tidak menentang tindakan British menjadikan Sabah sebagai tanah jajahan mahkota ?

.....  
.....  
.....

[2 markah]

(b) Sarawak diserahkan kepada British pada tahun 1946.

Mengapakah rakyat Sarawak menentang penyerahan tersebut ?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah ]

(c) Sarawak dan Sabah penting bagi British.

Beri hujah anda.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah ]

## Bahagian B

( 60 markah)

Jawab mana-mana **tiga** soalan daripada bahagian ini

5. Maklumat berikut berkaitan dengan kedatangan agama Hindu dan Buddha ke Asia Tenggara.

Hinduisme dan Buddhisme mempengaruhi perkembangan tamadun dan tradisi penulisan di Asia Tenggara.

Sumber : *www.britannica.com*

- (a) Bagaimanakah pengaruh agama Hindu dan Buddha tersebar ke Asia Tenggara ?  
[4 markah]
- (b) Jelaskan pengaruh Hindu dan Buddha dalam bidang kesenian dan kesusasteraan di Asia Tenggara.  
[8 markah]
- (c) Mengapakah pengaruh agama Hindu dan Buddha mudah diterima oleh masyarakat di Asia Tenggara ketika itu ?  
[8 markah]
6. Piagam Madinah dirangka oleh Nabi Muhammad SAW pada tahun 622 Masihi.
- (a) Jelaskan kandungan Piagam Madinah  
[4 markah]
- (b) Mengapakah penduduk Madinah memerlukan kepimpinan Nabi Muhammad SAW ?  
[8 markah]
- (c) Mengapakah piagam tersebut penting dalam perjuangan Nabi Muhammad SAW ?  
[8 markah]

7. Gambar berikut berkaitan dengan perusahaan perlombongan bijih timah di Tanah Melayu.



- (a) Jelaskan faktor perkembangan perusahaan bijih timah di Tanah Melayu. [4 markah]
- (b) Terangkan kesan perusahaan perlombongan bijih timah terhadap Tanah Melayu. [8 markah]
- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan harga bijih timah pada 28 Mei 2018.

Harga bijih timah tempatan dijangka diperdagangkan antara AS\$20 420 dan AS\$20 700 bagi satu tan metrik.

Sumber : <https://www.pressreader.com>

Berdasarkan maklumat berikut, beri pendapat anda tentang potensi industri perlombongan bijih timah di Malaysia. [8 markah]

8.

16 September 1963 adalah detik bersejarah penyatuan Persekutuan Tanah Melayu bersama Sabah, Sarawak dan Singapura membentuk negara baharu bernama Malaysia.

Sumber : *Berita Harian 16 September 2018*

- (a) Terangkan faktor pembentukan Malaysia. [4 markah]
- (b) (i) Mengapakah pembentukan Malaysia ditentang oleh negara jiran ? [4 markah]
- (ii) Bagaimanakah penentangan terhadap pembentukan Malaysia dilakukan ? [4 markah]
- (c) Penentangan terhadap pembentukan Malaysia adalah tidak wajar. Berikan hujah anda. [8 markah]

9. Pernyataan berikut berkaitan dengan pilihan raya di Malaysia.

Pilihan Raya Umum diadakan apabila Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dibubarkan atau terbubar sendiri selepas tamat tempoh 5 tahun.

*Sumber : <http://www.spr.gov.my/ms/pilihan-raya/>*

- (a) Jelaskan syarat-syarat mengundi dalam pilihan raya di Malaysia [4 markah]
- (b) Bagaimanakah pilihan raya dilaksanakan di Malaysia ? [8 markah]
- (c) Mengapakah tempoh Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di Malaysia ditetapkan selama 5 tahun sahaja ?  
Beri pendapat anda. [8 markah]

10. Maklumat berikut berkaitan dengan gagasan Wawasan 2020.

Pada 28 Februari 1991, YAB Perdana Menteri Malaysia yang keempat telah melancarkan Wawasan 2020 yang boleh dicapai matlamatnya jika rakyat Malaysia dapat menghadapi dan mengatasi sembilan halangan yang dianggap sebagai cabaran.

- (a) Apakah matlamat wawasan tersebut ? [4 markah]
- (b) Berikut adalah sebahagian daripada cabaran Wawasan 2020.
- Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika
  - Memupuk dan membina masyarakat makmur
- Jelaskan cabaran tersebut. [8 markah]
- (c) Mampukah negara kita mencapai matlamat di **10** (a) dalam tempoh yang telah ditetapkan ?  
Beri alasan anda. [8 markah]



11. Perang Dunia Pertama (1914-1918) merupakan konflik perang yang melibatkan banyak negara Eropah, Amerika Syarikat dan Timur Tengah.

Sumber: *www.britannica.com*

- (a) Jelaskan peristiwa perang tersebut. [4 *markah*]
- (b) Terangkan faktor perang tersebut tercetus. [8 *markah*]
- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan konflik antarabangsa masa kini.

- Pertikaian di Laut China Selatan
- Perang ekonomi Amerika Syarikat – China
- Isu nuklear Korea Utara

Bagaimanakah badan-badan antarabangsa boleh menyelesaikan konflik tersebut ?  
Beri cadangan anda. [8 *markah*]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT